

31/08/1997

Enam firma sokong saranan Dr Mahathir

Lichong Angkui

KOTA KINABALU: Selaras saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya institusi dana tempatan memasuki Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) secara aktif bagi memperkukuh pasaran saham negara, enam syarikat dari Sabah semalam mengumumkan sokongan terhadap langkah tegas kerajaan membendung serangan manipulasi asing terhadap harga saham di pasaran tempatan.

Selain itu, mereka mengemukakan lapan cadangan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan bagi menjamin pertumbuhan ekonomi berterusan serta menyuntik keyakinan terhadap keadaan pasaran tempatan.

Enam syarikat Sabah itu ialah Kilang Papan Seribu Daya (KPSD) Bhd, Construction & Supplied House Bhd (CASH Bhd), MGR Corporation Bhd, Sitt Tatt Bhd, Chase Perdana Bhd dan North Borneo Timber Bhd (NBT).

Pengarah Urusan CASH Bhd, Datuk Joseph Ambrose Lee, yang bertindak sebagai jurucakap kumpulan enam syarikat berkenaan menegaskan sokongan terhadap tindakan tegas kerajaan menangani masalah itu dibuat kerana kini tercetus perang oleh pihak luar terhadap ekonomi negara.

Menurutnya, serangan manipulasi terhadap Bursa Saham Hong Kong kelmarin menunjukkan bahawa perang ekonomi sudah diisytiharkan terhadap Asia.

"Selepas berjaya menjatuhkan mata wang Asia, termasuk Baht, Rupiah, Peso, Won dan Ringgit dalam beberapa bulan lalu, sindiket yang didalangi pihak luar Asia kini mengalihkan perhatian terhadap pasaran ekuiti rantau ini pula," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya, di sini semalam.

Lee mendakwa 'perang' yang dilakukan terhadap ekonomi dan pasaran Asia didalangi pihak luar turut mendapat kerjasama kalangan tidak bertanggungjawab yang mahu mengaut keuntungan cepat di rantau ini.

Menurutnya, tindakan dan manipulasi yang dilakukan itu adalah penjajahan baru bertujuan melemahkan ekonomi Asia yang kebelakangan ini diakui sebagai kawasan pertumbuhan baru.

"Kami menyokong penuh beberapa langkah pencegahan dan pembetulan yang diambil kerajaan bagi menangani permasalahan dalam pasaran ekuiti tempatan.

"Kami menyokong kenyataan Perdana Menteri (mengenai perkara itu) kerana sememangnya menjadi tanggungjawab setiap rakyat mempertahankan negara ini daripada sebarang bentuk ancaman luar. Kita perlu bersatu padu dan bekerjasama bagi menentang mereka yang melakukan manipulasi," katanya.

Khamis lalu, Dr Mahathir mengarahkan institusi dana tempatan memasuki BSKL secara aktif selepas Jawatankuasa BSKL mengenakan sekatan sekuriti bertanda ke atas 100 kaunter bagi mengekang manipulasi penjualan tanpa pemilikan saham.

Langkah itu bertujuan menyekat dana asing daripada terus menyerang dan memanipulasi harga saham di BSKL. Ia diambil berikutan ada bukti institusi asing termasuk yang diuruskan George Soros mula mengalih tumpuan serangan mereka daripada pasaran mata wang kepada manipulasi pasaran ekuiti.

Lee bersetuju bahawa alasan mengenai pasaran terbuka tidak praktikal lagi dilaksanakan kerana ia akan disalahgunakan oleh golongan tidak bertanggungjawab melakukan sabotaj ekonomi negara.

Katanya, kerajaan sewajarnya tidak boleh bertolak ansur terhadap kumpulan sedemikian kerana ia boleh menghancurkan negara.

"Kita meminta syarikat dari Sabah yang disenaraikan yang sebelum krisis ini mempunyai modal RM16 bilion di BSKL, supaya menyertai kami untuk menyokong langkah yang diambil kerajaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya beberapa langkah diambil,

antaranya meminta Bank Negara Malaysia (BNM) menarik balik halangan terhadap pembiayaan saham, manakala firma pembrokeran saham terus membiayai perniagaan saham dan menaikkan had kredit.

Selain itu, mereka yang melakukan manipulasi dengan menjual skrip kepada asing bagi mendapat untung cepat dikenakan tindakan undang-undang.

Lee juga menyifatkan peraturan baru BSKL yang mengumumkan 100 kaunter yang menjadi komponen kepada angka tunjuk utama iaitu Indeks Komposit (IK) sebagai Sekuriti Bertanda, adalah tindakan bijak kerajaan.

(END)